

## ABSTRAK

Masyarakat Iban terkenal dengan kepelbagaiannya perayaan *gawai* yang berkaitan dengan kepercayaan animisme seperti *Gawai Burong*, *Gawai Dayak*, *Gawai Tuah* dan *Gawai Sakit*. Setiap *gawai* yang diadakan mempunyai *leka timang* khas yang akan didendangkan atau dinyanyikan oleh *lemambang*. Penyelidikan ini fokus kepada makna tradisi lisan *leka timang* yang digunakan semasa *Gawai Burong* dijalankan. Selain itu, penyelidik meneliti pertembungan dan perubahan yang memberi impak yang besar terhadap tradisi lisan *leka timang* pada masa kini. Penyelidikan ini turut fokus terhadap strategi penambahbaikan dan pelestarian yang sesuai untuk memelihara tradisi lisan *leka timang* dalam kalangan generasi kini. Penyelidikan ini dijalankan di Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Bagi mendapatkan maklumat terus daripada informan, penyelidik telah menggunakan kaedah temubual secara berstruktur dan tidak berstruktur. *Gawai Kelingkang Nanga* atau *Burong* merupakan *gawai* yang tertinggi di antara *Gawai Burong* yang dijalankan oleh masyarakat Iban. *Gawai Kelingkang Nanga* atau *Burong* kurang relevan dianjurkan pada masa kini. *Gawai Kelingkang Nanga* atau *Burong* merupakan *gawai* yang hanya boleh dianjurkan oleh *Tuai Serang* atau *Tuai Kayau* yang telah berjaya dalam ekspedisi ngayau. Tambahan lagi, *timang Gawai Kelingkang Nanga* merupakan *timang gawai* yang paling panjang antara *timang Gawai Burong* yang lain. Penyelidik menyarankan agar lebih banyak lagi penyelidikan yang berkaitan dengan tradisi lisan masyarakat Iban berasaskan pelbagai perspektif dan kategori. Hanya dengan penyelidikan yang sedemikian, tradisi lisan dapat dikekalkan dan dipromosikan kepada generasi baharu dan masyarakat luar.

**Kata kunci:** Masyarakat Iban, *timang*, *Gawai Burong*, pelestarian budaya dan perubahan budaya

## ***Oral Tradition Leka Timang Gawai Burong among Iban Community***

### ***ABSTRACT***

*The Iban community is famous for the variety of gawai festivals associated with animistic beliefs such as Gawai Burong, Gawai Dayak, Gawai Tuah and Gawai Sakit. Each gawai held has a special timang that will be sung or sung by lemambang. This research focuses on the meaning of the oral tradition of leka timang used during Gawai Burong. In addition, the researchers examined the clashes and changes that have a significant impact on the oral tradition of timang today. In addition, this research also focuses on appropriate improvement and preservation strategies to preserve the oral tradition of timang among the current generation. This research was conducted in Pakan District, Sarakei, Sarawak. To obtain information directly from informants, researchers have used structured and unstructured interview methods. Based on this research, Gawai Kelingkang Nanga or Gawai Kelingkang Burong is the highest gawai among Gawai Burong conducted by the Iban community. Gawai Kelingkang Nanga or Burong is less relevant nowadays. This is so, Gawai Kelingkang Nanga or Burong is a gawai that can only be organized by Tuai Serang or Tuai Kayau who have been successful in Ngayau expeditions. In addition, the timang Gawai Kelingkang Nanga is the longest timang gawai among other timang Gawai Burong. In conclusion, the researchers suggested that more research related to the oral traditions of the Iban community based on various perspectives and categories. Only with such research, oral traditions can be maintained and promoted to new generations and the outside community.*

***Keywords:*** *Iban, timang, Gawai Burong, cultural preservation and cultural change*